

Projek RM493 juta diluluskan

Tebatan Banjir di Kerian bakal dilaksanakan

PARIT BUNTAR - Peruntukan RM493 juta bagi projek tebatan banjir di daerah Kerian telah diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, projek yang melibatkan kawasan sepanjang 200 kilometer itu telah dibahagikan kepada 23 tender.

Menurutnya, dua daripada jumlah tender itu telah ditawarkan kepada kontraktor terpilih, lapan tender kini lagi buka kepada umum manakala selebihnya masih dalam proses penyediaan dokumen.

"Kita akan serahkan dua tender ini kepada kontraktor terpilih dalam masa seminggu ini.

"Kelulusan peruntukan ini jelas membuktikan bahawa apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri telah pun diumumkan pelaksanaannya," katanya dalam teks ucapan yang di-



Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas merasmikan Sambutan Hari Air Sedunia mewakili Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Dataran Pinggiran Sungai Kerian Parit Buntar.

bacakan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui pada Sambutan Hari Air

Sedunia di Dataran Pinggiran Sungai Kerian, di sini, semalam.

Menurutnya, tender itu melibat-

kan projek menaik taraf ban dari Sungai Kerian ke Tebing Tinggi melalui Alor Pongsu sepanjang 35 kilo-

meter; pembinaan ban di Sungai Rawa, Sungai Ijok sepanjang 20 kilometer dan menaik taraf ban Sungai Kerian, Sungai Ijok, Sungai Selama, Sungai Ulu Mengkuang sepanjang 87 kilometer.

"Kerajaan juga akan menaik taraf kolam Bukit Merah dan satu lagi projek pembinaan serta menaik taraf ban sedia ada di kawasan sepanjang 40.5 kilometer ini," katanya.

Sementara itu, katanya, Dasar Air Negara yang dilaksanakan kerajaan adalah penting bagi menentukan hala tuju pengurusan sumber air di negara ini agar ia mencukupi untuk kegunaan generasi akan datang.

"Melalui dasar ini, semua agensi terlibat akan diselaraskan bagi memastikan projek yang dilaksanakan berkesan.

"Dalam masa sama, masalah seperti banjir dapat diselesaikan selain pencemaran dikurangkan," katanya.